



اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.  
Tel: 05-4596204 Fax: 05-4595488

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :  
UPSI/PEND/220/3.1(13)  
Tarikh : 5 Januari 2000M  
28 Ramadhan 1420H

Semua Pelajar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tuan/Puan,

## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 1 TAHUN 2000**

### **Hukuman Ke atas Kesalahan Lalu lintas Dalam Kampus**

#### Tujuan

1. Tujuan surat pekeliling ini untuk memaklumkan mengenai kesalahan serta menetapkan denda yang akan dikenakan kerana kesalahan lalu lintas yang dilakukan di dalam kawasan Kampus Universiti.

#### Latar belakang

2. Dengan bertambahnya kadar penggunaan kenderaan di dalam kawasan Kampus, mengakibatkan kawasan kampus semakin sesak dan pengawalan lalu lintas menjadi semakin rumit dan tidak berjalan lancar. Bagi melancarkan sistem kawalan lalu lintas tersebut suatu tindakan berupa hukuman dan denda akan dikenakan ke atas pengguna yang melakukan jenis-jenis kesalahan seperti yang disenaraikan pada perenggan 5 dan 6.
3. Penguatkuasaan ini berdasarkan kepada Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 Bahagian IV yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa tatatertib mengenakan hukuman tatatertib atau denda ke atas mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan lalu lintas di dalam kawasan Kampus.

#### Pelaksanaan Penguatkuasaan Lalulintas

4. Pelaksanaan penguatkuasaan ini dibuat sejajar dengan pembinaan infrastruktur serta pengagihan tempat-tempat meletak kenderaan dan pemasangan papan-papan tanda yang dibuat di seluruh kawasan Kampus. Surat pemberitahuan atau makluman boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa bagi menjelaskan lagi mengenai pelaksanaan penguatkuasaan ini.

### Jadual Jenis Kesalahan dan Denda Yang Dikenakan

5. Jenis-jenis kesalahan lalu lintas yang boleh dikenakan hukuman dan denda sepertimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Universiti dan bertepatan dengan peruntukan di bawah Kaedah-kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999 adalah seperti berikut-

| Bil. | Jenis Kesalahan   | Kaedah | Hukuman/Denda (Kaedah 47)                |
|------|---|--------|--|
| 1.   | Tidak memiliki kebenaran bertulis hak milik kenderaan   | 36(1)  | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |
| 2.   | Tidak mempamerkan pelekat kenderaan atau tidak mempamerkan pelekat di tempat yang mudah dilihat | 36(3)  | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |
| 3.   | Tidak memperbaharui pelekat kenderaan   | 36(4)  | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |
| 4.   | Memandu kenderaan melebihi kelajuan yang ditunjukkan oleh isyarat lalulintas                    | 38     | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |
| 5.   | Memandu kenderaan di tempat-tempat selain di bahagian jalan laluan yang ditetapkan              | 39     | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |
| 6.   | Meletak kenderaan secara menghalang, berbahaya atau menyulitkan kepada orang lain               | 40     | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |
| 7.   | Meletakkan kenderaan di tempat yang diuntukkan bagi kenderaan tertentu                          | 41     | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |
| 8.   | Menunggang motosikal membawa pembonceng lebih daripada seorang                                  | 42     | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |
| 9.   | Tidak mematuhi arahan lalu lintas dan isyarat lalu lintas                                       | 43     | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |

|     |   |    |  |
|-----|---|----|--|
| 10. | Tidak membawa lesen memandu yang sah atau enggan mengemukakan lesen memandu dan kad pelajar | 44 | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |
| 11. | Menghalang aliran atau mengganggu perjalanan lalu lintas                                    | 45 | Amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 |

6. Selain daripada jenis-jenis kesalahan yang digariskan di bawah Kaedah-kaedah tatatertib Universiti tersebut adalah juga menjadi kesalahan dan boleh dikenakan hukuman dan denda sekiranya seseorang melakukan kesalahan apa-apa perbuatan di dalam Kampus yang adalah suatu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau disifatkan telah dibuat di bawah Akta itu.

#### Langkah-langkah Penguatkuasaan

7. Langkah-langkah penguatkuasaan akan dilakukan oleh pengawal-pengawal keselamatan seperti berikut:
- i. Pengawal-pengawal Keselamatan akan diarahkan membuat rondaan pengawalan kelancaran lalu lintas dari semasa ke semasa;
  - ii. Notis kesalahan lalu lintas akan dikeluarkan kepada pesalah tatatertib sekiranya sebarang kesalahan yang dinyatakan di atas dilakukan;
  - iii. Penyelesaian berhubung perkara-perkara di atas hendaklah dilakukan di pejabat Unit Keselamatan. Hukuman terus berupa amaran atau denda akan dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan mengikut kesesuaian atau jenis kesalahan yang dilakukan. Borang PK14 akan dikeluarkan untuk memperincikan kesalahan yang dilakukan;
  - iv. Sekiranya pelajar tersebut tidak hadir ke pejabat Unit Keselamatan dalam tempoh yang ditetapkan Surat Peringatan akan dikeluarkan;
  - v. Sekiranya pelajar terbabit masih gagal menghadirkan diri setelah dikeluarkan Surat Peringatan kes tersebut akan dibawa kepada pihak berkuasa tatatertib pelajar untuk tindakan lanjut.

#### Tarikh Penguatkuasaan

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.



Pemakaian

9. Pekeliling ini berkuatkuasa dan digunapakai ke atas semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris.



**(SAYUTI B. SAHLAN)**

Pendaftar,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

s.k.

1. Naib Canselor
2. Timbalan-timbalan Naib Canselor
3. Dekan-dekan Fakulti
4. Dekan Hal Ehwal Pelajar
5. Ketua-ketua Bahagian/Unit
6. Papan-papan kenyataan